



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# BERITA KIMIA

Jabatan Kimia, Fakulti Sains  
Keluaran Ogos 2019  
e-ISSN: 2637-014X  
<http://science.utm.my/chemistry/>



Selamat Hari Kemerdekaan yang ke-62  
dan Salam Maal Hijrah 1441H...



## Hari Keluarga Kimia 2019

Ogos  
22 - 24

Hari Keluarga Jabatan Kimia 2019 telah diadakan pada 22-24 Ogos 2019 di Teluk Gorek Chalet & Campsite, Mersing. Aktiviti ini disertai oleh 20 orang staf akademik dan diserikan lagi dengan penglibatan staf bersara, Puan Norsiah Ismail dan Dr Rusmidah Ali. Keseluruhan ahli keluarga yang dapat turut sama menjayakan Hari Keluarga ini adalah seramai 42 orang dewasa dan 12 orang kanak-kanak. Program dimulakan dengan aktiviti zumba, diikuti dengan pelbagai aktiviti sukaneka antaranya konda kondi, belon air, baling tin kosong, lompat satu kaki, war games, pringles face, pancing botol dan tarik tali. Pada sebelah malamnya pula diadakan aktiviti BBQ di samping pengisian aktiviti radio klasik, teka simpulan bahasa dan sesi bertukar hadiah sesama ahli jabatan. Program ini secara tidak langsung dapat merapatkan ukhuwah antara ahli jabatan dan peluang untuk mengenali ahli keluarga staf dengan lebih dekat lagi.



Staf yang menyertai program ini ialah PM Dr. Zaiton Abdul Majid, PM Dr. Zainoha Zakaria, PM Dr. Razali Ismail, Dr. Norazah Basar, Dr. Sheela Chandren, Dr. Che Rozid Mamat, Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil, En. Hashim Baharin, Dr. Faizuan Abdullah, Dr. Nurulhidayah Salamun, Dr. Mohd Akmal Mokhter, Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon, Dr. Rohul Hayat Adnan, Dr. Mohd Bakri Bakar, Dr. Joazaizulfazli Jamalis, Dr. Mohamad Afiq Mohamed Huri, Dr. Susilawati Toemen, Dr. Khairil Juhanni Abd Karim, Dr. Hasmerya Maarof dan Dr. Nursyafreena Attan

Ogos  
8

## Keputusan FRGS Fasa 1/2019

Keputusan permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1 2019 telah diumumkan. Tahniah kepada semua ahli akademik Jabatan Kimia yang berjaya. Berikut adalah senarai penerima FRGS Fasa 1/2019:

Dr Norazah Basar, Dr Mohd Akmal Mokhter, Dr Siti Aminah Setu, Dr Joazaizulfazli Jamalis, PM Dr Lee Siew Ling, Dr Nurrulhidayah Salamun, Prof. Dr Wan Aini Wan Ibrahim dan PM Dr Zaiton Abdul Majid.

Ogos  
14

## Majlis Penghargaan Staf 2018 & Ibadah Qurban Fakulti Sains 2019

Majlis Penghargaan Staf 2018 dan Ibadah Qurban 2019 telah diadakan dengan jayanya di Dewan Jamuan, BCSI, UTM. Majlis dirasmikan oleh Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff. Berikut adalah senarai penerima anugerah dari Jabatan Kimia:

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018:

- Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon
- Dr. Fazira Ilyana Abdul Razak
- Dr. Joazaizulfazli Jamalis
- Dr. Mohd Bakri Bakar
- Dr. Naji Arafat Haji Mahat
- Dr. Nursyafreena Attan
- PM Dr. Roswanira Ab. Wahab
- Dr. Sheela Chandren
- Dr. Susilawati Toemen
- Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim
- Prof. Dr. Wan Azelee Wan Abu Bakar
- PM Dr. Zaiton Abdul Majid
- Prof. Dr. Abdull Rahim Mohd Yusoff
- Dr. Che Rozid Mamat
- PM Dr. Shajarahtunnur Jamil
- Prof. Dr. Mustaffa Shamsuddin
- Dr. Siti Aminah Setu
- Dr. Khairil Juhanni Abd Karim
- Dr. Hasmerya Maarof
- Dr. Norazah Basar
- PM Dr. Zainoha Zakaria

### Anugerah Jabatan Kimia 2018:

- PM Dr. Razali Ismail
- PM Dr. Azli Sulaiman

### Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran 2018

- Dr. Siti Aminah Setu
- Dr. Hasmerya Maarof

- Anugerah Penyelidikan dan Perundingan 2018
- PM Dr. Lee Siew Ling

### Anugerah Penulisan dan Penerbitan 2018

- Dr. Nursyafreena Attan
- Dr. Susilawati Toemen
- Dr. Fazira Ilyana Abdul Razak

### Anugerah Khidmat Masyarakat 2018

- Dr. Nursyafreena Attan
- Dr. Sheela Chandren

### Anugerah Pembangunan Pelajar 2018

- Dr. Che Rozid Mamat
- En Hashim Baharin

### Anugerah Penasihat Akademik 2018

- PM Dr. Zainoha Zakaria

### Anugerah Sukan 2018

- En Hashim Baharin

### Anugerah Khas Fakulti 2018

Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 Pusat Perkhidmatan Analisis (PPA) Jabatan Kimia

- PM Dr. Shajarahtunnur Jamil
- PM Dr. Zaiton Abdul Majid
- PM Dr. Razali Ismail
- Dr. Hasmerya Maarof
- Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon
- En. Anthony Nyangson Steven @ Mohd Daniel



Gambar sekitar Majlis Penghargaan Staf 2018 & Ibadah Qurban Fakulti Sains 2019

*Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah.*

## Bengkel & Seminar

6/8

### Program Joint-Supervision UTM – Taibah University

Prof. Dr. Mohammed Ali Al-Mammary adalah merupakan salah seorang co-supervisor di bawah program joint-supervision UTM-Taibah University. Satu pertemuan antara Prof. Dr. Mohammed Ali dan Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar (Naib Canselor UTM) telah diaturkan oleh Prof. Dr. Wan Azlina Ahmad.

Selari dengan Minggu Sains Negara, Faculty of Science: Science Seminar Series 20 telah berlangsung pada 6 Ogos 2019 bertempat di DK2, Blok C17, UTM JB, dan Prof. Dr. Mohammed Ali Al-Mammary telah menyampaikan syarahan yang bertajuk *Natural and Synthetic Antioxidants and Their Biological Activities*.

7/8

### Taklimat PRISMS

Taklimat Susulan Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana UTM (PRISMS) telah diadakan pada 7 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat SPS 3, UTM JB. Staf akademik terlibat adalah PM Dr. Shajarahtunnur Jamil, PM Dr. Zainoha Zakaria, Dr. Norazah Basar, dan Dr. Siti Aminah Setu.



### Faculty of Science UTM SAINS NEGARA SCIENCE SEMINAR SERIES 20

"Natural and Synthetic Antioxidants and Their Biological Activities"


6<sup>th</sup> August 2019 (Tuesday), 11.00 am-12.00 pm  
Lecture Hall 2 (DK2), Block C17  
Faculty Of Science, UTM Johor Bahru

Prof. Dr. Mohammed Ali Al-Mammary  
Taibah University

### Bengkel Pemurnian PEO & PLO

7/8


Bengkel Pemurnian PEO dan PLO Program Prasiswazah Jabatan Kimia telah diadakan pada 7 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat Jabatan Kimia, UTM JB. Staf akademik terlibat adalah PM Dr. Shajarahtunnur Jamil, Prof. Dr. Mustaffa Shamsuddin, PM Dr. Zainoha Zakaria, Dr. Che Rozid Mamat, Dr. Norazah Basar, Dr. Siti Aminah Setu, Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon dan Dr. Juan Matmin.



26/8

## Roadshow Pengenalan APEL

PM Dr. Shajarahtunnur Jamil dan Dr. Siti Aminah Setu telah menghadiri Roadshow Pengenalan APEL pada 26 Ogos 2019 yang bertempat di Sekolah Pengajian Siswazah, UTM JB. APEL adalah pengakreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.



26-27/8

## Bengkel GPC

Satu bengkel latihan penggunaan Gel Permeation Chromatography (GPC) telah diadakan pada 26 – 27 Ogos 2019 oleh wakil dari Waters. Bengkel ini adalah bertujuan untuk melatih bakal pengguna GPC tentang Standard of Procedure (SOP) dan cara-cara penggunaan software untuk rutin harian dan analisis. Staf yang terlibat adalah Dr. Khairil Juhanni Abd Karim, Dr. Mohd Fuad Mohamad dan Dr. Hasmerya Maarof. Lebih 10 orang pelajar pascasiswazah turut terlibat.



28/8

## Bengkel Penulisan Program Standard & SSR

Dr. Siti Aminah Setu telah menghadiri Bengkel Penulisan Program Standard dan Self Review Report pada 28 Ogos 2019. Bengkel anjuran UTM QRIM ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri Self-Review Report (SRR) yang baik, menyediakan SRR reflektif sendiri (bahagian C, MQA-02) berdasarkan penemuan data/maklumat daripada Penilaian Kendiri dan menyediakan dokumentasi lengkap untuk Akreditasi MQA.



## Aktiviti & Pergerakan Staf

3-4/8

## Minggu Sains Negara 2019 Negeri Johor

Ahli Jabatan Kimia telah terlibat dalam menjayakan Karnival Sains sempena Minggu Sains Negara peringkat negeri Johor pada 3-4 Ogos 2018, bertempat di Dewan Orang Ramai Parit Raja, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Batu Pahat, Johor. Program yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor tersebut telah disertai oleh:

1. PM Dr. Zaiton Abdul Majid dan Dr. Mohd Bakri Bakar - Syarahan Saintis.
2. Dr. Mohd Akmali Mokhter, Dr. Siti Aminah Setu, Dr. Norazah Basar, Dr. Nursyafreena Attan, Dr. Susilawati Toemen- Pameran Sains Interaktif dan Program Mentor-Mentee.



4-8/8

## Program Transformasi Minda (PTM) Bil 1/2019

Dr. Nurulhidayah Salamun, Dr. Siti Ernieyanti Hashim, Dr. Mohamad Afiq Mohamed Huri dan Dr. Mohd Fuad Mohamad telah terlibat dengan Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 1/2019 yang bertempat di UTM Talent Transformation Centre, UTM Johor Bahru. Seramai 100 orang peserta telah terlibat yang terdiri daripada staf akademik dan staf PPP dari UTM JB dan KL.



6-7/8

## 8<sup>th</sup> International Conference of the Indonesian Chemical Society 2019

Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim telah diundang sebagai pembentang jemputan (*Distinguished Speaker*) dan juga pengerusi sesi ucap tama untuk 8<sup>th</sup> International Conference of the Indonesian Chemical Society 2019 (ICICS 2019) yang telah berlangsung di IPB Internal Convention Center di Bogor, Indonesia pada 6 hingga 7 Ogos 2019.



8/8

## Pembentang Jemputan di FMIPA

Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim telah diundang oleh Fakultas Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), Universitas IPB Bogor, Indonesia sebagai pembentang jemputan (*Guest lecture*) bersama dengan beberapa penceramah ICICS 2019 *Distinguished Speakers* pada 8 Ogos 2019.



6-9/8

## ICPAC Yangon 2019

Dr. Khairil Juhanni Abd Karim telah menghadiri International Congress on Pure & Applied Chemistry Yangon (ICPAC Yangon) 2019 pada 6 – 9th August 2019 yang telah berlangsung di Rose Garden Hotel, Yangon, Myanmar. Persidangan ini telah dianjurkan oleh Institut Kimia Malaysia (IKM), Department of Industrial Chemistry, University of Yangon dan Foundation for Interaction between Science and Technology (FIST) Japan. Dr. Khairil Juhanni sebagai pembentang jemputan telah berkongsi tentang penyelidikan beliau berkenaan Synthetic Polymer Grafted Polysaccharide for Fertilizer Controlled Release Study. Untuk maklumat, persidangan ini dijadualkan berlangsung pada 2020 sebagai ICPAC Kota Kinabalu 2020.

**ICPAC**  
*Yangon 2019*

6-9 August 2019  
Rose Garden Hotel,  
Yangon, Myanmar

International Congress on  
Pure & Applied Chemistry  
(ICPAC) Yangon 2019

>> [www.icpacyangon2019.org](http://www.icpacyangon2019.org)



14-16/8 **SKAM 32**

Prof. Dr. Wan Aini Wan Ibrahim telah diundang sebagai penceramah undangan untuk Simposium Kimia Analisis Malaysia ke-32 (SKAM 32) pada 14 - 16 Ogos 2019 yang telah berlangsung di Thistle Hotel, Port Dickson. Turut terlibat adalah Dr Susilawati Toemen (pembentangan lisan) dan Prof. Dr Mohd Marsin Sanagi.

## Gotong Royong Anjung Jabatan Kimia

29/8

Gotong-royong Anjung Kimia telah diadakan pada 29 Ogos 2019 bagi membersihkan Anjung sebelum sesi semester 1 2019/2020 bermula. Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh ahli Jabatan Kimia yang berkelapangan antaranya En Hashim Baharin, Dr. Mohamad Afiq Mohamed Huri, Dr. Mohd Fuad Mohamad, PM Dr. Zainoha Zakaria, Dr. Siti Ernieyanti Hashim, Dr. Susilawati Toemen, Dr. Sheela Chandren, Dr. Nursyafreena Attan, PM Dr. Shajarahtunnur Jamil, Dr Norazah Basar dan Dr Khairil Juhanni Abd Karim.



## Young Scientist Network

Dr. Mohd Bakri Bakar telah menghadiri mesyuarat Exco Young-Scientists Network Akademi Sains Malaysia ASM bertempat di ASM, Kuala Lumpur pada 28-29 Ogos 2019.

28-29/8




30/8

Dr. Mohd Bakri Bakar telah menyertai bengkel penyediaan modul sains komunikasi anjuran Young-Scientists Network ASM, bertempat di Google Malaysia pada 30 Ogos 2019.



## Karnival Kimia Johor 2019


Karnival Kimia Johor (K2J) 2019 akan berlangsung pada **14 September 2019** anjuran Jabatan Kimia, Fakulti Sains, UTM JB dengan kerjasama Institut Kimia Malaysia (IKM) Cawangan Selatan. Karnival akan berlangsung dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang di Blok N24, UTM JB. Pelbagai aktiviti untuk pelajar sekolah rendah dan menengah akan diadakan. Marilah kita sama-sama memeriahkan Karnival Kimia Johor 2019!



# Karnival Kimia Johor 2019

AKTIVITI-AKTIVITI

- Kimia Interaktif & Pertunjukan Sains
- Meet the Scientist
- Seminar Keselamatan Makmal untuk Cikgu
- Demonstrasi Peniupan Kaca
- Diskusi Literasi Sains untuk Semua
- Anugerah Guru Inovasi Kimia Johor
- Pertandingan: Olympiad
- Pertandingan: Kahoot
- Pertandingan: Chemistry in the Garden
- Pertandingan: Periodic Table Game
- Pertandingan: Crime Scene Investigation
- Pertandingan: 3 Minutes Chemistry
- Pertandingan: Chem Demo
- Pameran STEM
- Pertandingan: Spiral Science
- Pertandingan: KIMIA Public Health CSA



14 SEPTEMBER 2019 (SABTU)  
BLOK N24, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

[www.utm.my/kimiajohor](http://www.utm.my/kimiajohor) | [Karnival Kimia Johor](https://www.facebook.com/KarnivalKimiaJohor) | [kimiajohor@gmail.com](mailto:kimiajohor@gmail.com)

## Selamat Hari Lahir:

03/08 – Dr. Nursyafreena Attan  
08/08 - Dr. Rohul Hayat Adnan  
16/08 – Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil

## WARGA KERJA BERITA KIMIA

**Penasihat:**  
PM Dr. Shajarahtunnur Jamil

**Editor Bersama:**

- Dr. Siti Aminah Setu
- Dr. Khairil Juhanni Abd Karim
- Dr. Mohd Fuad Mohamad
- Dr. Nurrulhidayah Salamun

*Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat*



  
**SELAMAT DATANG**  
**PELAJAR BAHARU**  
**FAKULTI SAINS**  
**WELCOME TO ALL NEW STUDENTS**